

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM LANTIK KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DAN PENGARAH EKSEKUTIF BUKAN BEBAS BAHARU BIMB INVESTMENT

Azdini Nor Azman dilantik mengetuai cabang pengurusan pelaburan Kumpulan berkuat kuasa 1 Ogos 2023

KUALA LUMPUR, Ahad, [27 Ogos 2023]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) mengumumkan pelantikan Azdini Nor Azman sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengarah Eksekutif Bukan Bebas anak syarikat milik penuhnya, BIMB Investment Management Berhad (BIMB Investment) berkuat kuasa 1 Ogos 2023.

Azdini menyertai BIMB Investment sebagai Pemangku CEO di BIMB Investment pada 1 Mac 2023 dan dilantik ke jawatan CEO setelah menerima kelulusan rasmi daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

Azdini mempunyai pengalaman luas selama 26 tahun dalam industri yang merangkumi pelbagai organisasi termasuk Asian Islamic Investment Management Sdn Bhd, Bank Muamalat Malaysia Berhad, CFC Seymour Limited, Bank Islam Malaysia Berhad, MIDF Amanah Investment Bank Berhad and Amanah Short Deposits Berhad. Sebelum menyertai BIMB Investment, beliau merupakan Ketua Perbankan Borong di Hong Leong Islamic Bank Berhad (Hong Leong Islamic Bank) dan bertanggungjawab menguruskan segenap aspek perniagaan borong termasuk pasaran global Islam, perniagaan Islam dan perbankan korporat.

Semasa tempoh perkhidmatannya di Hong Leong Islamic Bank, beliau merupakan ahli pelbagai jawatankuasa dan kumpulan kerja termasuk Jawatankuasa Pelaburan bagi Hong Leong Asset Management Berhad, Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM) dan ahli jawatankuasa kecil bagi inisiatif dan pembangunan industri Islam di Malaysia.

Beliau kini merupakan ahli Jawatankuasa Kecil Pasaran Kewangan Islam Bank Negara Malaysia (BNM) untuk tahun 2022 - 2023.

Azdini berkelulusan Sarjana Muda Perdagangan (Pengkhususan dalam Kewangan) dari Universiti Otago, New Zealand. Beliau juga merupakan seorang Profesional Kewangan Islam Bertauliah (CPIF) dari Institut Profesional Kewangan Islam Berkanun (CIIF) serta memegang lesen Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (PPKM) dan Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL).

Diiktiraf berdasarkan pencapaiannya, Azdini pernah dinobatkan dalam kedudukan 100 teratas oleh Laporan Wanita Paling Berpengaruh dalam Perniagaan dan Kewangan Islam WOMANi pada tahun 2020. Pengiktirafan terbaharu beliau dalam kategori Significancica WOMANi menunjukkan sumbangan dan pencapaiannya dalam bidang perbankan dan kewangan Islam. Laporan WOMANi menampilkan pemimpin wanita daripada segenap industri seperti perbankan, pengurusan aset, akademik dan sektor berkaitan lain yang telah menghasilkan impak kepada perniagaan Islam.

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan–Perbankan Institusi Bank Islam dan Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas BIMB Investment, Sharifah Sarah Syed Mohamed Tahir berkata, “Bagi pihak Kumpulan Bank Islam, saya ingin mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan kehadiran Azdini dalam kepimpinan BIMB Investment.”

“Rekod cemerlang yang dimiliki merupakan pengiktirafan ketokohan dan semangatnya memupuk inovasi dalam perbankan Islam. Kami yakin Azdini akan mengemudi BIMB Investment dalam mengharungi cabaran landskap sektor kewangan yang pesat berubah dan memanfaatkan peluang baharu selain membawa syarikat ini ke tahap lebih tinggi serta mewujudkan nilai jangka panjang kepada semua pemegang taruh,” tambah Sharifah Sarah.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: media@bankislam.com.my

Mengenai BIMB Investment Management Berhad

BIMB Investment Management Berhad (BIMB Investment) adalah sebuah syarikat pengurusan pelaburan Syariah-ESG (Alam sekitar, Sosial dan Tadbir Urus) di Malaysia. Sebuah anak syarikat milik penuh Bank Islam Malaysia Berhad, BIMB Investment adalah syarikat pengurusan dana Islam berlesen yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ditubuhkan pada 14 September 1993 dan memulakan operasinya pada 20 Jun 1994, BIMB Investment beribu pejabat di Malaysia.

BIMB Investment adalah pengurus aset Islam yang disokong bank yang pertama di rantau ini untuk menjadi penandatanganan prinsip yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu untuk pelaburan yang bertanggungjawab (UNPRI).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bimbinvestment.com.my atau hubungi

NurFarah Diyana Mohd Firhad

Brand & Communications

BIMB Investment Management Berhad

Emel : nfdiyana@bankislam.com.my

DL : +603 2161 2524 / 0173574125